

Pasaran Komposit Malaysia Jadi Tumpuan Pada JEC Asia 2012
Bernama
8 Mac, 2012

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) -- Potensi pasaran komposit Malaysia akan menjadi tumpuan pada JEC Asia 2012 dari 26 hingga 28 Jun, 2012, di Singapura.

Pameran antarabangsa itu akan mempromosi produk, teknologi, penyelidikan dan kemahiran profesional dalam pembangunan komposit di Malaysia.

Ia juga menunjukkan pertumbuhan pesat industri komposit di Asia, menerusi penyertaan lebih 300 syarikat.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan JECm, Frederique Mutel berkata Malaysia dipilih sebagai negara kehormat bagi JEC Asia 2012 berikutan potensi pertumbuhan pesat pasaran kompositnya.

"Ia juga berdasarkan rangkaian kukuh yang wujud antara dunia sains, teknologi, penyelidikan dan pembangunan serta pengajaran dan industri," katanya pada sidang media di sini Khamis.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=650832>